

Shiseido Code of Conduct and Ethics

Tatakelakuan dan Etika Shiseido

SHISEIDO



Mesej daripada CEO

Keluarga Shiseido yang dihormati,

Menerusi misi korporat kami “INOVASI KECANTIKAN UNTUK DUNIA YANG LEBIH BAIK,” kami yakin bahawa kecantikan mempunyai kuasa dan kami terus menyahut cabaran baharu setiap hari untuk mencipta kebahagiaan bagi pelanggan kami di serata dunia. Dalam perjalanan menghadapi cabaran dan transformasi baharu serta terus berkembang, kami mungkin menghadapi ketidaktentuan dan perlu membuat keputusan yang sukar. Namun, sekiranya kita semua bertindak dengan integriti, keyakinan yang bersulamkan kerendahan hati, serta etika yang kukuh, kita dapat terus mencapai matlamat bersama.

Untuk menghasilkan nilai baharu dan mencapai pertumbuhan yang berterusan, kita perlu secara konsisten menjalankan aktiviti perniagaan yang mendapat kepercayaan daripada kakitangan, pengguna, rakan perniagaan, pemegang saham, pelabur, dan masyarakat kita secara keseluruhan.

Tatakelakuan dan Etika Shiseido berperanan sebagai panduan penting dalam cara kami menjalankan perniagaan sambil menyeimbangkan pertumbuhan mampan dan membina kepercayaan.

Saya akan memimpin Shiseido menggunakan Tatakelakuan dan Etika Shiseido sebagai petunjuk arah kami.

Setiap ahli keluarga Shiseido digalakkan untuk mempraktikkan Kod ini dalam tugas seharian mereka, memperkukuh kecemerlangan Shiseido dan mewujudkan dunia yang lebih indah dengan kekuatan kecantikan.

Kentaro Fujiwara
Pengarah
Wakil Pegawai Eksekutif Korporat
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'KF', located at the bottom right of the page.


FALSAFAH SHISEIDO

Dalam cabaran untuk menjadi syarikat kecantikan yang paling dipercayai di dunia dan kekal penting untuk 100 tahun yang akan datang dan seterusnya, Falsafah Shiseido ini adalah cahaya panduan kita dan setiap ahli keluarga Shiseido global. Falsafah Shiseido ini adalah teras untuk semua tindakan yang kita lakukan sambil berusaha untuk menjadi pemenang global melalui warisan kita.

FALSAFAH SHISEIDO

1. MISI KAMI, adalah sebab kita wujud sejak ditubuhkan.
2. DNA KAMI merangkumi warisan unik kita selama lebih 150 tahun.
3. PRINSIP KAMI berfungsi sebagai prinsip kerja yang kita hayati.

Tatakelakuan dan Etika kami menetapkan tindakan yang perlu dipatuhi dan dikongsi oleh setiap pekerja Kumpulan Syarikat Shiseido. Tatakelakuan ini merangkumi ciri undang-undang setiap negara dan wilayah tempat kami beroperasi, serta peraturan dalaman dan prinsip pentadbiran. Standard kelakuan dan etika kita adalah konsisten dengan prinsip etika tertinggi dan Falsafah Shiseido.





Maria Chiclana

Maria Chiclana
Ketua Pegawai Undang-undang

Mesej daripada CLO

Rakan-rakan yang dihormati,

Dalam Tatakelakuan dan Etika Shiseido yang baru dikeluarkan, kita mengisytihar dan berhasrat untuk menjalankan perniagaan selaras dengan standard etika tertinggi dengan nilai bersama sebagai SATU Shiseido. Tatakelakuan kami mentakrifkan harapan kita sebagai sebuah syarikat melalui cara kita bertindak dan cara kita membuat keputusan – termasuk setiap pekerja tanpa mengira kewarganegaraan, negara atau jenama yang mereka wakili. Tatakelakuan dan Etika Shiseido mencerminkan siapa kita sebagai sebuah syarikat.

Garis panduan yang ditetapkan dalam Tatakelakuan ini hendaklah diikuti oleh semua pengarah, pegawai dan pekerja dalam semua aktiviti perniagaan kita. Untuk kejayaan berterusan, amatlah penting untuk kita semua menyemak tatakelakuan dengan teliti, memahami kandungan dan mengamalkan nilai-nilainya.

Kita percaya bahawa pekerja boleh menggunakan Tatakelakuan dan Etika Shiseido sebagai bimbingan yang berguna dalam kerja seharian mereka.

Komitmen daripada Pemimpin Global



Kami mengikut PRINSIP KITA (AMANAH 8).

Kami menghargai keadilan dan kejujuran serta bertindak dengan integriti .

Kami komited terhadap kualiti dan keselamatan.

Kami menghargai hak asasi manusia dan menghormati satu sama lain.

Kami menghormati sejarah, budaya dan adat resam semua individu, negara dan wilayah, dan kami bertindak untuk memastikan kepelbagaian dihargai, inklusiviti digalakkan dan kelestarian dimajukan.

Kami berazam untuk menjadi pemenang global melalui Tatakelakuan dan Etika Shiseido kami sebagai kompas panduan.

Panduan

Semua pengarah, pegawai dan pekerja Shiseido ("Kita") mesti sentiasa bertindak demi kepentingan terbaik Syarikat dan mengikut Tatakelakuan dan Etika Shiseido ("Tatakelakuan").

Kepimpinan eksekutif, bersama-sama pihak pengurusan bertanggungjawab untuk memimpin melalui teladan dan memastikan Tatakelakuan kita dipatuhi dan semua pekerja mengetahuinya. Pelanggaran Tatakelakuan boleh mengakibatkan tindakan tatatertib (termasuk pemecatan) mengikut polisi dan prosedur kami.

Talian Hotline

Jika anda mempunyai sebarang kebimbangan tentang pematuhan, seperti kemungkinan pelanggaran Tatakelakuan atau ketidakpatuhan terhadap peraturan dalaman, sila hubungi talian hotline atau talian bantuan serantau yang sesuai. Talian hotline dan talian bantuan akan mengekalkan kerahsiaan orang yang melaporkan sebaik mungkin. Kami tidak bertolak ansur dengan sebarang tindakan balas terhadap mereka yang melaporkan dengan suci hati atau yang telah bekerjasama dalam penyiasatan.


Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Halaman 34.

Pengenalan

Menyertai dunia perniagaan global adalah seperti memulakan pengembaraan. Anda akan berinteraksi dan bekerja dengan orang dari latar belakang dan budaya yang berbeza. Anda akan mendapat pengalaman baru. Meninggikan kemahiran anda. Luaskan pengetahuan anda. Tetapi walaupun perjalanan ini menarik, anda juga akan kerap berhadapan dengan perubahan mengejut. Cabaran yang tidak dijangka. Anda perlu mengatasi halangan, membetulkan hala tuju dan menghasilkan cara penyelesaian dengan pantas. Dalam erti kata lain, anda memerlukan kompas untuk mengarahkan anda ke arah yang betul. Dan itulah kegunaan TATAKELAKUAN DAN ETIKA ini: Kompas yang boleh dipercayai. Ia ada di sini untuk membantu anda mencari jalan – setiap hari. Setiap kali anda rasa tidak pasti, setiap kali anda rasa anda memerlukan nasihat dan bimbingan, gunakannya. Dan mulakan pengembaraan anda dengan keyakinan, kepastian dan ketenangan fikiran

Untuk membuat keputusan yang betul,
pertimbangkan perkara berikut

Tatakelakuan dan Etika Shiseido



Isi Kandungan

Bab 1

Bersama Pekerja — 9

1. Menghormati hak asasi manusia dan kepelbagaian
2. Inisiatif kerja yang ikhlas
3. Persekitaran kerja profesional yang sihat dan selamat

Bab 2

Bersama Pengguna — 14

1. Tanggungjawab untuk produk dan perkhidmatan
2. Kepuasan dan kepercayaan pengguna
3. Meningkatkan nilai jenama

Bab 3

Bersama Rakaniaga — 19

1. Aktiviti perdagangan yang adil
2. Larangan rasuah dan pecah amanah
3. Pembangunan lestari

Bab 4

Bersama Pemegang Saham — 24

1. Peningkatan lestari nilai korporat
2. Tadbir urus korporat dan kawalan dalaman
3. Dialog dengan para pemegang saham dan pelabur

Bab 5

Bersama Masyarakat dan Bumi — 29

1. Pematuhan undang-undang dan penghormatan terhadap hak asasi manusia
2. Menyasarkan satu dunia yang lestari
3. Sumbangan kepada masyarakat

Maklumat Talian Hotline / Talian Bantuan — 34

Bersama Pekerja

Mencari jalan dengan rakan sekerja melalui kerjasama



Menghormati hak asasi manusia dan kepelbagaian

Kami menghormati hak asasi manusia, watak dan keperibadian setiap orang di tempat kerja. Menghargai kepelbagaian dan inklusiviti, kami berusaha untuk berkembang bersama sebagai SATU Shiseido



- 1 Kami tidak akan terlibat atau bertolak ansur dengan diskriminasi atau penganiayaan atas apa jua dasar termasuk - tetapi tidak terhad kepada - bangsa, warna kulit, jantina, umur, bahasa, harta benda, kewarganegaraan atau asal usul negara, agama, asal etnik atau sosial, pendapat politik dan lain-lain, kecacatan, status kesihatan, orientasi seksual dan identiti jantina. Kami tidak terlibat atau bertolak ansur dengan gangguan, termasuk gangguan seksual dan penyalahgunaan kuasa.
- 2 Kami mengikut PRINSIP KITA (AMANAH 8).

Inisiatif kerja yang ikhlas

Kami bekerja dengan teliti dan mengekalkan perbezaan yang jelas antara perkara profesional dan peribadi.



- 1 Kami menguruskan maklumat sulit dan peribadi dengan betul untuk mengelakkannya daripada pembocoran atau kehilangan, dan tidak menggunakan maklumat tersebut secara tidak wajar.
- 2 Kami mengurus maklumat dengan sewajarnya apabila menggunakan internet atau media sosial.
- 3 Kami bertindak dengan cara yang memberi manfaat terbesar kepada Shiseido. Kami mengelakkan situasi dan tidak terlibat dalam perniagaan yang berkonflik atau bersaing dengan kepentingan, produk atau perkhidmatan Shiseido. Kami tidak mengambil bahagian dalam sebarang tindakan yang boleh menjejaskan kepentingan Shiseido secara negatif.
- 4 Kami tidak menyalahgunakan kuasa atau kedudukan kami untuk keuntungan peribadi, atau meminta kerjasama untuk aktiviti peribadi atau memberikan bantuan kepada pihak ketiga.

Persekitaran kerja profesional yang sihat dan selamat

Kami berusaha untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan meningkatkan keselesaan pekerja dan rasa kepuasan kerjaya.



- 1 Kami berusaha untuk menjadikan persekitaran kerja yang selamat, bersih, sihat, cekap dan mudah diakses.
- 2 Kami berusaha untuk mengekalkan dan mengurus kesihatan fizikal dan mental kami, serta mengekalkan keseimbangan kehidupan-kerja yang sesuai.
- 3 Kami mengutamakan keselamatan pekerja kami dan keluarga mereka sekiranya berlaku bencana.
- 4 Kami bekerjasama dengan rakan sekerja kami untuk memenuhi potensi kami dalam pekerjaan kami. Kami berusaha untuk mengekalkan dialog dengan rakan sekerja kami dan komited terhadap penumbuhan mereka serta penumbuhan kami.
- 5 Kami menjalankan penilaian yang adil dan terlibat dalam pembangunan kerjaya yang adil.

Rujukan

- Peraturan Pekerjaan
- Polisi Hak Asasi Manusia Kumpulan Shiseido
- Peraturan Pengendalian Aset Maklumat Kumpulan Shiseido
- Penggunaan Sistem Maklumat yang Boleh Diterima
- Polisi Media Sosial Kumpulan Shiseido
- Polisi Keselamatan Maklumat Kumpulan Shiseido
- Peraturan Privasi Kumpulan Shiseido

Q&A

S

Saya merasakan bahawa saya telah didiskriminasi oleh rakan sekerja kerana jantina saya, dan bahawa saya telah diganggu kerana negara asal saya. Bagaimanakah saya harus menangani isu ini?

S

Bolehkah saya paparkan di media sosial tentang produk baharu yang telah saya bantu bangunkan?

J

Shiseido tidak bertolak ansur dengan diskriminasi atau gangguan. Sila rujuk kepada pegawai atasan atau bahagian anda yang berkenaan, seperti HR. Jika itu tidak dapat dilaksanakan, sila laporkan perkara itu kepada talian hotline / talian bantuan di wilayah tempatan anda. Maklumat peribadi anda akan dirahsiakan sepenuhnya seboleh mungkin. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk halaman "Panduan".

J

Tidak. Walaupun pemaparan di media sosial tanpa nama, anda tidak dibenarkan berkongsi maklumat sulit syarikat, termasuk maklumat produk baharu. Anda tidak boleh mendedahkan sebarang maklumat yang belum didedahkan kepada orang awam, termasuk kepada ahli keluarga anda sendiri.

Bersama Pengguna

Memastikan pengguna didahulukan dan diutamakan dalam pengembaraan kami



Tanggungjawab untuk produk dan perkhidmatan

Kami secara konsisten berusaha untuk menyelidik, membangun, mengeluarkan dan menjual produk dan perkhidmatan yang selamat, berkualiti tinggi yang memberikan kepuasan sebenar dari sudut pandangan pengguna.




- 1 Kami sentiasa mengutamakan kualiti dan keselamatan untuk memastikan keyakinan pengguna. Sebagai tambahan kepada peraturan luaran, kami mematuhi piawaian dalaman kami yang ketat, dan kami menjalankan penilaian kualiti dan keselamatan.
- 2 Kami menyediakan maklumat yang diperlukan oleh pengguna tepat pada masanya dan sesuai. Kami dengan jelas dan tepat membentangkan dan menerangkan maklumat yang diperlukan oleh pengguna semasa memilih dan menggunakan produk dan perkhidmatan kami, bagi mengelakkan salah faham.
- 3 Kami menghormati privasi pengguna. Kami mengurus dan melindungi maklumat peribadi yang diamanahkan oleh pengguna kepada kami dengan sewajarnya, menggunakannya mengikut undang-undang tempatan dan dengan cara yang konsisten dengan polisi privasi kami.
- 4 Kami menghasilkan program pengiklanan dan pemasaran yang kreatif dan menarik yang mencerminkan nilai kepelbagaian dan penghormatan kami terhadap hak asasi manusia. Kami mencipta pengiklanan yang berfakta, adil, beretika dan tidak memperlekehkan orang lain.
- 5 Kami sentiasa mengambil kebolehcapaian pengguna untuk dipertimbangkan sepenuhnya dalam pembangunan produk dan perkhidmatan.

Kepuasan dan kepercayaan pengguna

Kami berusaha untuk meningkatkan kepuasan dan kepercayaan pengguna di mana-mana dan pada setiap masa. Kami menyokong kecantikan dan kesejahteraan mereka.



- 1 Kami sentiasa melayan pengguna dengan penuh penghargaan dan menyampaikan semangat OMOTENASHI (hospitaliti).
- 2 Kami mengendalikan aduan pengguna dengan adil dan pantas serta mengalu-alukan maklum balas jujur mereka.
- 3 Kami mengambil maklum balas pengguna dengan serius dan menggunakannya untuk menambah baik serta membangunkan produk dan perkhidmatan kami.
- 4 Kami sentiasa berhati-hati dan menghormati hak pengguna kami, termasuk hak asasi manusia, privasi dan keselamatan mereka.



Meningkatkan nilai jenama

Kami berusaha untuk meningkatkan nilai semua jenama Shiseido.



- 1 Kami meningkatkan nilai jenama Shiseido dengan mencipta bersama pengguna dan bekerjasama dengan mereka tentang cara kami boleh membantu mereka mencapai kecantikan dan kesejahteraan. Dalam usaha berterusan kami untuk meningkatkan nilai jenama, kami tidak terlibat dalam tingkah laku yang boleh menjejaskan nilai jenama apabila berhubung dengan pengguna di mana-mana, termasuk di kedai.
- 2 Kami mengurus dan melindungi harta intelek kami dengan sewajarnya, untuk meningkatkan nilai jenama Shiseido. Kami mematuhi undang-undang dan peraturan dalaman apabila menggunakan logo atau nama jenama dan tidak melanggar hak harta intelek orang lain.
- 3 Kami percaya pada ketelusan dengan pengguna kami dalam semua perkara yang memberi kesan kepada nilai jenama termasuk, tetapi tidak terhad kepada, ketelusan ramuan, tuntutan manfaat produk, keselamatan, privasi data dan usaha kelestarian.

Rujukan

- Prinsip Kualiti Shiseido
- Garis Panduan Identiti Korporat Shiseido
- Prinsip Privasi Global Shiseido

Q&A

S

Di manakah boleh saya mencari "FALSAFAH SHISEIDO", "Tatakelakuan dan Etika Shiseido" dan peraturan dalaman yang lain?

J

"FALSAFAH SHISEIDO" dan "Tatakelakuan dan Etika Shiseido" boleh didapati di laman web Shiseido. Peraturan dalaman utama Shiseido boleh dijumpa di bahagian "Guidelines & Rules" intranet WITH.

Sila semak polisi dan maklumat lain yang berkaitan di laman utama/web atau rujuk di bahagian masing-masing.

Bersama Rakaniaga

Menavigasi hubungan perkongsian yang dihargai



Aktiviti perdagangan yang adil

Kami memilih rakaniaga yang berkongsi integriti perniagaan kami dan standard etika yang tinggi mengenai persaingan yang adil, telus dan bebas. Kami menjalankan perniagaan sedunia dengan mematuhi semua undang-undang yang terpakai.



- 1 Kami memilih peruncit, pembekal, vendor dan rakaniaga yang lain atas dasar usaha mereka untuk menghormati hak asasi manusia, mematuhi undang-undang, melindungi alam sekitar dan menghadapi isu sosial, serta keupayaan mereka dalam Kualiti dan Keselamatan, bukan hanya pada harga.
- 2 Kami tidak terlibat dalam penetapan harga, pakatan sulit, lambakan atau sebarang tindakan lain yang menghalang persaingan bebas.
- 3 Kami tidak menggunakan kedudukan keunggulan kami untuk terlibat dalam tingkah laku yang tidak adil kepada rakaniaga kami.
- 4 Kami mematuhi kontrak dan kewajipan kami dalam transaksi perniagaan kami. Kami juga mematuhi semua undang-undang berkaitan mengenai transaksi import / eksport dan kawalan perdagangan.

Larangan aktiviti rasuah dan pecah amanah

Kami tidak terlibat dalam rasuah atau pecah amanah, dan kami tidak memberi atau menerima hadiah material atau hiburan yang boleh menyebabkan syak wasangka berkenaan urusan perniagaan atau kepentingan kami.

- 1 Kami melarang rasuah, penyelewengan dan penipuan dalam sebarang bentuk. Kami tidak melibatkan diri dalam sebarang aktiviti, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang akan menyebabkan syak wasangka terhadap perhubungan "arms-length", pendermaan, aktiviti dermawan / penajaan, atau membuat sumbangan politik yang tidak wajar atau sogokan.
- 2 Kami tidak memberi atau menerima wang atau hadiah semasa kami bekerja dengan rakaniaga kami. Pengecualian kepada hadiah bermusim dan sagu hati yang diberikan sebagai perkara adat, dengan syarat hadiah tersebut berada dalam had yang boleh diterima oleh masyarakat, selaras dengan polisi dalaman kami.
- 3 Kami juga menghadkan makanan dan hiburan dengan rakaniaga kami semasa menjalankan kerja kami dalam had yang boleh diterima oleh masyarakat, mengikut polisi dalaman kami.

Pembangunan lestari

Kami menghormati semua rakaniaga kami yang berkongsi matlamat dan nilai tanggungjawab sosial kami. Kami bekerjasama dengan mereka ke arah pertumbuhan lestari.



- 1 Kami berkongsi dengan rakaniaga kami, pendirian kami mengenai pemenuhan tanggungjawab sosial, termasuk menghormati hak asasi manusia, pematuhan undang-undang, pengurusan maklumat dan perlindungan alam sekitar. Kami juga menggalakkan mereka untuk mengambil inisiatif secara sukarela.
- 2 Kami menghormati undang-undang antarabangsa, termasuk perjanjian treati. Kami tidak akan pernah terlibat dalam pencabulan hak asasi manusia seperti buruh kanak-kanak, buruh paksa atau pemerdagangan manusia. Kami tidak bertolak ansur dengan aktiviti sedemikian oleh rakaniaga kami.
- 3 Kami bekerjasama dengan rakaniaga kami untuk meningkatkan nilai jenama Shiseido.

Rujukan

- Tatakelakuan Pembekal Kumpulan Shiseido
- Polisi Perolehan Kumpulan Shiseido
- Peraturan Pematuhan Berkenaan Pencegahan Kartel
- Polisi Anti Rasuah Kumpulan Shiseido
- Peraturan Pematuhan Berkenaan Pencegahan Rasuah

Q&A

S

Bolehkah saya menerima hadiah wang daripada rakaniaga dalam sambutan promosi?

S

Bolehkah saya memberi insepktor dari pihak berkuasa kerajaan (cth. FDA, Kementerian Kesihatan, Buruh dan Kebajikan, dll.) di fasiliti kami, beg hadiah produk terbaik kami untuk dibawa bersama mereka selepas mereke tamat pemeriksaan?

J

Tidak. Kita tidak memberi atau menerima wang atau hadiah semasa bekerja dengan rakaniaga. (Ini termasuk wang tunai, atau setara tunai seperti kad hadiah atau baucar tunai, barangan mahal dan seumpamanya). Anda tidak seharusnya menerima sebarang hiburan atau hadiah daripada rakaniaga, kerana perbuatan demikian boleh menimbulkan keraguan tentang keadilan urusan kerja anda. (Pengecualian kepada hadiah bermusim dan sugu hati dalam had yang boleh diterima oleh masyarakat, menurut polisi dalaman.)

J

Tidak. Kita tidak memberi sebarang hadiah atau hiburan kepada mana-mana pegawai kerajaan, kerana ia boleh ditafsirkan sebagai rasuah oleh pegawai tersebut. Untuk hadiah dan hiburan berkaitan pegawai kerajaan, kami melarang sebarang amalan rasuah. (Sila rujuk Bab 5).

Shiseido telah mewujudkan polisi dan peraturan dalaman mengenai pencegahan rasuah dan antirasuah. Kami tidak memberi atau menerima hadiah material atau hiburan yang boleh menyebabkan syak wasangka, mematuhi polisi dan peraturan dalaman kami serta undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

Bersama Pemegang Saham

Memulakan perjalanan bersama



Peningkatan lestari nilai korporat


Kami berusaha untuk terus meningkatkan nilai korporat Shiseido dengan meningkatkan keseluruhan rangkaian aset ketara, tidak ketara dan aset lain kami.



- 1 Kami menguruskan semua aset kami dengan standard penjagaan tertinggi dan menggunakannya dengan sewajarnya untuk tujuan perniagaan dan menyumbang kepada masyarakat.
- 2 Kami menilai pelaburan dan pinjaman secara berhemat, membuat keputusan yang sesuai, dan mengikut prosedur yang betul semasa melaksanakannya.
- 3 Kami mengurus dan mengawal risiko dengan sewajarnya yang boleh memberi kesan kepada prestasi perniagaan kami, aset kami, jenama kami, keselamatan pekerja kami atau pelaksanaan strategi kami. Sekiranya berlaku krisis / insiden, kami bertindak balas dengan secepat dan sewajarnya untuk meminimumkan kerugian dan memulih dengan secepat mungkin dan menghalang krisis / insiden daripada berulang.

Tadbir urus korporat dan kawalan dalaman

Kami mematuhi undang-undang dan peraturan berkaitan dengan pentadbiran urus korporat dan kawalan dalaman. Kami sentiasa menjalankan perniagaan kami dengan sewajarnya dan berintegriti.



- 1 Kami mengikut prosedur perakaunan yang betul berdasarkan prosedur kelulusan dalaman. Kami menjalankan perakaunan kewangan dan cukai yang tepat untuk memastikan kredibiliti.
- 2 Kami mengekalkan keberkesanan fungsi pengawasan pengurusan dalaman dan luaran kami dan fungsi audit untuk mencapai pengurusan korporat yang mantap.
- 3 Kami mematuhi sepenuhnya tadbir urus korporat untuk mengurus maklumat sulit dengan betul (cth. maklumat mengenai syarikat kami atau rakaniaga kami). Kami tidak pernah terlibat dalam transaksi yang tidak adil seperti perdagangan orang dalam.

Dialog dengan pemegang saham dan pelabur

Kami amat mementingkan dialog dengan pemegang saham dan pelabur serta berusaha untuk mendapatkan dan mengekalkan kepercayaan mereka.



- 1 Kami berurusan dengan semua pemegang saham dan pelabur secara saksama dan mendedahkan secara aktif dan segera maklumat pengurusan yang tepat, maklumat kewangan dan maklumat bukan kewangan seperti tadbir urus korporat, falsafah pengurusan, strategi perniagaan dan pengurusan risiko, serta maklumat alam sekitar dan sosial.
- 2 Kami membina hubungan yang baik dan amanah dengan pemegang saham dan pelabur dengan mengambil kira pandangan mereka dalam pengurusan korporat kami.
- 3 Kami menjalankan mesyuarat agung pemegang saham, badan pembuat keputusan tertinggi sebuah syarikat, secara telus dan adil dan menggunakannya sebagai tempat untuk dialog yang konstruktif.

Rujukan

- Polisi Pengurusan Krisis Kumpulan Shiseido
- Polisi global yang berkaitan dengan perdagangan orang dalam
- Polisi Cukai Global
- Polisi Asas Pendedahan Maklumat dan Dialog dengan Pemegang Saham dan Pelabur

Q&A

S

Apakah perdagangan orang dalaman (insider trading)?

S

Jika saya bercakap dengan keluarga atau rakan, dan saya secara tidak sengaja menyebut sesuatu tentang prestasi perniagaan kami atau sebagainya, adakah itu dianggap sebagai perdagangan orang dalam? Sebagai contoh:

- * Semasa makan malam, saya menyebut tentang penggabungan yang akan datang kepada keluarga saya.
- * Pada pertemuan dengan rakaniaga, saya secara tidak sengaja menyebut bahawa perniagaan kami telah merosot dengan ketara sebelum maklumat ini didedahkan kepada umum.

J

Perdagangan orang dalam (insider trading) ialah perbuatan jenayah yang terdiri daripada perkongsian haram atau penggunaan maklumat yang tidak didedahkan untuk melakukan transaksi dalam pasaran sekuriti, menyebabkan kemudahan kepada pelabur yang tidak mempunyai akses kepada data tersebut. Mereka yang terlibat dalam perdagangan orang dalam boleh dikenakan hukuman jenayah dan tindakan tatatertib dalaman dan ia boleh menjejaskan kredibiliti syarikat.

J

Jika seseorang yang menerima maklumat itu menggunakannya untuk berdagang sekuriti, ia menjadi perdagangan orang dalam. Membocorkan maklumat penting yang tidak didedahkan mewujudkan peluang kepada mereka di sekeliling anda untuk terlibat dalam perdagangan orang dalam. Kebocoran maklumat oleh pekerja juga boleh mengakibatkan persoalan tentang masalah pengurusan maklumat kami. Sila mengendali sebarang maklumat sulit atau sensitif pasaran yang anda terima dengan penuh berhati-hati.

Bersama Masyarakat dan Bumi

Bekerjasama di laluan yang bersilangan



Pematuhan undang-undang dan menghormati hak asasi manusia

Kami mematuhi undang-undang setiap negara dan wilayah di mana kami beroperasi, dan bertindak dengan penuh integriti dan etika serta menghormati hak asasi manusia.



- 1 Kami mematuhi undang-undang dan menghormati sejarah, budaya, adat resam dan aspek lain bagi setiap negara dan wilayah tempat kami beroperasi.
- 2 Kami menyedari bahawa semua aktiviti perniagaan kami mesti berdasarkan penghormatan terhadap hak asasi manusia, dan kami menghormati hak asasi manusia semua pemegang kepentingan kami. Kami tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk diskriminasi atau gangguan.
- 3 Kami tidak bekerjasama dengan individu atau organisasi yang terlibat dalam aktiviti haram seperti mengancam ketenteraman atau keselamatan awam. Kami juga tidak menjawab sebarang permintaan wang atau sokongan daripada individu atau organisasi tersebut.
- 4 Kami dengan tegas mengekalkan keadilan dan tahap ketelusan yang tinggi dalam hubungan kami dengan entiti dan pegawai kerajaan negara dan tempatan, parti politik dan ahli politik. Kami tidak memberi atau menerima hadiah atau hiburan yang boleh menyebabkan syak wasangka berkenaan keadilan kami, tidak kira sama ada pihak yang satu lagi itu pegawai awam atau syarikat swasta, dan tanpa mengambil kira pemberian atau penerimaan hadiah atau hiburan tersebut dibenarkan atau tidak dibenarkan dari segi undang-undang.

Menyasarkan satu dunia lestari

Kami mempromosikan inisiatif alam sekitar selaras dengan piawaian ketat kami sendiri. Kami mempertimbangkan biodiversiti kerana kami menyasarkan dunia yang lestari di mana manusia dan Bumi wujud bersama secara harmoni.



- 1 Kami berusaha untuk mengurangkan kesan alam sekitar melalui usaha seperti mengurangkan pelepasan karbon dioksida (CO₂), yang membentuk sebahagian besar gas rumah hijau (GHG), menggunakan sumber air dengan berkesan dan mengurangkan sisa dalam pembuatan produk kami.
- 2 Kami berusaha untuk meminimumkan pembaziran dalam proses perniagaan kami dan apabila produk kami digunakan oleh pengguna, dengan penekanan pada 5R Shiseido: Hormati, Kurangkan, Guna Semula, Kitar Semula, Pemulihan.
- 3 Kami berusaha untuk membangunkan dan menginovasi produk dan perkhidmatan baharu yang mempromosikan kecantikan dan kesejahteraan pengguna dan juga mesra alam.
- 4 Kami membangunkan teknologi baharu secara proaktif dan melibatkan dalam kerjasama teknikal dengan tujuan mengurangkan kesan kepada alam daripada aktiviti perniagaan kami.

Sumbangan kepada masyarakat

Kami terlibat dalam dialog yang luas dengan masyarakat dan berusaha untuk bekerjasama dalam menyelesaikan cabaran sosial.



- 1 Kami berusaha untuk memenuhi harapan masyarakat global melalui pelbagai aktiviti, seperti menggunakan kuasa kecantikan untuk menaikkan semangat orang ramai dan meningkatkan kualiti hidup mereka, menggalakkan kesaksamaan gender di tempat kerja dan dalam masyarakat, mempromosikan seni dan budaya, dan melaksanakan inisiatif alam sekitar.
- 2 Kami berhasrat untuk memperdalamkan interaksi kami dengan komuniti di mana afiliasi kami berada dan menyumbang kepada pembangunan mereka, untuk memenuhi tanggungjawab kami sebagai warga korporat yang baik.

Rujukan

- Sepuluh Prinsip Kompak Global PBB
- Polisi Hak Asasi Manusia Kumpulan Shiseido
- Polisi Anti-Rasuah Kumpulan Shiseido
- Laporan Kelestarian
- Dasar Alam Sekitar Shiseido

Q&A

S

Apakah pendekatan Shiseido terhadap alam sekitar?

J

Shiseido berhasrat untuk mewujudkan dunia yang lestari melalui tiga sektor, alam sekitar, masyarakat dan budaya. Kami menyahut cabaran berinovasi untuk memberi orang ramai di seluruh dunia keyakinan, keberanian, kegembiraan dan kebahagiaan, tanpa mengorbankan sokongan kami terhadap alam sekitar.

Maklumat Talian Hotline / Talian Bantuan

Jika anda mempunyai sebarang kebimbangan berkaitan pematuhan ethical atau berasa bimbang tentang aspek perkara berkaitan kerja, dsb., sila rujuk kepada pegawai atasan (superior) anda atau bahagian yang sesuai, seperti HR atau Undang-undang. Sekiranya sukar untuk berbuat demikian disebabkan keadaan tertentu, sila gunakan cara yang ditunjukkan di bawah untuk melaporkan kebimbangan anda secara tanpa nama.

Maklumat tambahan tentang talian hotline / talian bantuan boleh didapati di intranet Shiseido, dalam poster di seluruh kemudahan, dalam sesi latihan Pematuhan, dsb. Sebagai alternatif, sila rujuk kepada pejabat tempatan anda.

- Ibu Pejabat, Jepun _____ Talian Panas Shiseido
- China _____ Talian Hotline Shiseido SCH Talian Hotline Shiseido SLC
 _____ Talian Hotline Shiseido CIC Talian Hotline Shiseido SZC
 Talian Hotline Shiseido SHK
 Platform Pelaporan Pelanggaran Shiseido SCH Weixin
- Asia Pasifik _____ Pelaporan Pelanggaran Shiseido
- Amerika _____ Talian Bantuan Pematuhan Shiseido Amerika
- EMEA _____ Talian Hotline Pelaporan Pelanggaran
- Travel Retail (Asia Pasifik) _____ Pelaporan Pelanggaran Shiseido
- Global _____ Talian Hotline Global Shiseido
 Pelaporan Pemberi Maklumat Kumpulan Shiseido kepada Jawatankuasa Audit

* Sila hubungi talian hotline atau talian bantuan serantau yang sesuai.

OUR MISSION is

**BEAUTY INNOVATIONS
FOR A BETTER WORLD**